

15/04/2003

MSAM 2003 terus matlamat didik pelabur

PERMODALAN Nasional Bhd (PNB) akan menganjurkan majlis sambutan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2003 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 20

hingga 27 April ini.

MSAM yang diiktiraf sebagai agenda tahunan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah yang keempat seumpamanya diadakan sejak 2000

Bertemakan 'Saham Amanah - Pilihan Pelabur Bijak', MSAM 2003 meneruskan matlamatnya mendidik masyarakat mengenai pelaburan khususnya dalam saham amanah melalui pelbagai program.

MSAM 2003 mendapat sokongan daripada beberapa akhbar utama tempatan termasuk New Straits Times (NST), Berita Harian, Utusan Malaysia, Sin Chew

Jit Poh dan Tamil Nesan.

Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat PNB, Rosli Ismail, berkata pameran itu akan dirasmikan oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 20 April.

"Acara pra MSAM 2003 sudah dimulakan sejak 28 Februari lalu termasuk pusingan kelayakan pertandingan Kuiz Pelaburan PNB kategori badan beruniform.

"Peringkat akhirnya akan diadakan pada 25 April nanti," katanya ketika ditemui di Balai Berita, Kuala Lumpur, semalam.

Rosli berkata, pengisian pameran ini nanti cukup sesuai untuk semua peringkat usia termasuk kanak-kanak, pelajar sekolah, penuntut universiti dan profesional.

MSAM 2003 adalah kesinambungan MSAM 2002 yang diadakan di Stadium Darul Aman Alor Star, Dewan Perbandaran Majlis Perbandaran Kota Bharu (2001) dan Pusat Dagangan Dunia Putra (2000).

Rosli berkata, melalui pameran itu, pengunjung berpeluang mendapat pelbagai maklumat berkenaan saham amanah yang disediakan dalam bentuk menarik dan interaktif.

Katanya, PNB menjangkakan lebih 100,000 pengunjung akan hadir ke pameran itu.

Beliau berkata, pelajar yang berminat menyertai Pertandingan Kuiz Pelaburan PNB boleh mendaftar pada 19 April ini sebelum peringkat separuh akhir esoknya. Di samping memberi penekanan kepada aktiviti sukan seperti pertandingan bola sepak jalanan, mendaki tembok tiruan, sepak raga dan tarik tali, MSAM 2003 turut mengadakan persembahan wayang kulit Kedah dan Simfoni Gendang Malaysia.

"Aktiviti pameran kali ini lebih kepada hiburan serta pendidikan kerana setiap hari dua artis termasuk maskot Along akan menghiburkan pengunjung," katanya.